

Mahathir: Tunjuk2 perasaan tidak sesuai di negara kita...

GRIK, Selasa — Tindakan-tindakan demonstrasi seperti yang diamalkan di beberapa negara tidak sesuai untuk Malaysia kerana keadaannya yang membawa kepada kerosakan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di sini hari ini.

Memandangkan keadaannya yang merosakkan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, kegiatan pembangunan di negara-negara berkenaan terjejas.

Rerucap di majlis makan tengahari yang diberikan oleh penduduk bandar ini di Dewan Bandaran, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata di negara-negara barat yang membangun, demonstrasi menjadi perkara mainan kepada rakyat mereka.

"Walaupun Malaysia boleh dianggap membangun, tetapi ia masih tidak mampu mempunyai demonstrasi.

"Kita telah mencapai pembangunan dan kita akan terus meningkatkan lagi kadar pembangunan dan kemajuan," tegasnya.

Beliau berharap keadaan aman di bandar ini dan negara keseluruhannya akan terus terjamin.

Keadaan aman

Datuk Seri Dr. Mahathir menasihatkan rakyat terus menghargai dan menjamin keadaan aman di negara ini untuk menentukan kegiatan pembangunan dapat dilaksanakan.

Beliau meramalkan bahawa kadar pembangunan dan kemajuan di bandar ini akan meningkat tidak lama lagi berikutan pembinaan lebuh raya Timur-Barat.

"Saya percaya apabila siapnya lebuh raya itu dan digunakan, orang-ramai dari Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan mungkin dari Thailand akan melaluinya," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, ramai daripada mereka akan berhenti di bandar ini dan ini akan memberikan berbagai peluang kepada penduduk tempatan terutama di bidang perniagaan.

Timbalan Perdana Menteri juga melawat ampangan Temengor dan mendengar taklimat dari pegawai di situ.